



SIARAN MEDIA

SESI KONSULTASI FGV LIBATKAN 1000 PEKEBUN KECIL SELURUH NEGARA DALAM USAHA MELESTARIKAN INDUSTRI MINYAK SAWIT

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof telah hadir ke Majlis Perasmian Penutup Sesi Konsultasi FGV bersama Pekebun Kecil dan Pembekal di Miri, Sarawak hari ini.

Bertemakan “Pekebun Kecil Pendukung Kelestarian”, sesi konsultasi anjuran FGV Holdings Berhad (FGV) dengan sokongan Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) yang berlangsung selama tiga hari bermula pada 15 Jun hingga 17 Jun 2023 tersebut berjaya meraih kerjasama dan penyertaan golongan pekebun kecil, pembekal serta peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

Program ini menzahirkan komitmen FGV dalam menyokong dasar pembangunan lestari negara. Fokus utama program adalah untuk memastikan kejayaan pelbagai inisiatif Persijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dan *Roundtable of Sustainable Palm Oil* (RSPO).

Selain itu, objektif program ini juga adalah sebagai medium perkongsian maklumat dalam mengimbangi keperluan antara industri, masyarakat dan alam sekitar serta memberi peluang kepada golongan pembekal dan pekebun kecil untuk menyampaikan maklum balas secara langsung berkaitan operasi FGV bagi tujuan penambahbaikan.

Menyasarkan penglibatan seramai 1,000 peserta, program konsultasi yang telah bermula sejak tahun 2020 ini meliputi sembilan siri yang diadakan di seluruh Malaysia. Pelaksanaan program di Miri yang melibatkan 200 orang pekebun kecil ini merupakan siri yang ketujuh selepas siri sesi konsultasi sebelumnya yang telah berlangsung di Johor Bahru, Kuching, Port Dickson, Penang, Kuantan, dan Kuala Terengganu.

Selain daripada penganjuran program konsultasi, FGV turut bergiat aktif dalam menyumbang kepada inisiatif-inisiatif pemeliharaan alam sekitar di seluruh negara. Menerusi kerjasama bersama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), serta Pertubuhan Alam Sekitar Malaysia (MNS), FGV menerajui Program Pemuliharaan Beruang Matahari

bagi inisiatif memelihara pelbagai spesies haiwan terancam seperti beruang matahari, ungka/ siamang, dan tenggiling.

Dalam usaha menggalakkan amalan lestari operasi syarikat, FGV turut mengadakan program penanaman dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan MNS.

Kementerian sentiasa menyokong usaha kumpulan pemain industri termasuk FGV dalam melestarikan industri minyak sawit negara dan menghargai komitmen Rangka Kerja Kemampanan syarikat tersebut yang berlandaskan tiga teras iaitu menghormati hak asasi manusia, melindungi alam sekitar dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
17 JUN 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



www.kpk.gov.my



Kementerian Perladangan dan Komoditi



mykomoditi

No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2, 62654 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 03-88803322 e-mel: ukk@kpk.gov.my